

Pengguna Pengangkutan Awam Dinasihati Patuh SOP

KUALA LUMPUR : Pengguna pengangkutan awam dinasihatkan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika menggunakan perkhidmatan berkenaan. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata ia termasuklah saringan kesihatan, penggunaan topeng muka dan penjarakan sosial. Selain itu katanya, anggota penguat kuasa ditempatkan dalam gerabak kereta api bagi memantau pergerakan dan menasihati penumpang jika tidak mematuhi SOP ditetapkan.

“Mana-mana individu yang dikenal pasti gagal mematuhi SOP ini tidak akan dibenar menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. “Setakat hari ini, saya boleh kata orang ramai mempamerkan perkembangan mengagumkan apabila kebanyakan mereka mematuhi SOP ditetapkan. “Kita akan sentiasa memantau keadaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi mengurangkan potensi jangkitan COVID-19,” katanya pada sidang media di sini, semalam. Terdahulu, Ka Siong ditemani pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Nizam Alias turut meninjau pelaksanaan hari pertama PKPB, di stesen MRT Bukit Bintang. Mengenai bilangan penumpang menggunakan perkhidmatan kereta api, beliau berkata, jumlahnya dijangka meningkat dari semasa ke semasa, bergantung kepada sektor dibenarkan beroperasi sepanjang PKPB.

“Sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1, 2 serta 3 kita melihat penurunan mendadak sampai tahap lima peratus sahaja daripada jumlah penumpang pada hari biasa (sebelum PKP). Setakat hari ini, kita belum melihat penggunaan yang signifikan kerana masih banyak sektor belum beroperasi sepenuhnya dan setiap persediaan dibuat bergantung kepada keadaan semasa,” katanya.

Sementara itu, Nizam berkata, waktu puncak penggunaan kereta api dipanjangkan sepanjang PKPB, iaitu bermula jam 7 hingga 11 pagi dan 4 petang hingga 7 malam dengan kekerapan antara tiga hingga empat minit, berbanding sebelum ini. "Ini membolehkan penumpang dapat menggunakan perkhidmatan ini dengan kapasiti ditetapkan sepanjang PKPB, iaitu separuh berbanding kapasiti asal," katanya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 15 | 5 MEI 2020